

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

SOALAN

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG minta **MENTERI
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :-

- (a) senarai dan prestasi projek Bekalan Air Luar Bandar di Kota Samarahan dalam RMK-11 dan Projek RMK12 ; dan
- (b) senarai dan prestasi program pembasmian kemiskinan di Kota Samarahan dan Projek Jalan Perhubungan Desa yang diluluskan pada tahun 2021 dan 2022.

JAWAPAN

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, semakan Kementerian mendapati tiada projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan Kota Samarahan dalam tempoh RMKe-11 dan RMKe-12.

Walau bagaimanapun, bagi kawasan yang belum mendapat liputan bekalan air bersih dan terawat, Yang Berhormat dipohon supaya mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sarawak untuk dimasukkan sebagai senarai keutamaan negeri agar permohonan ini boleh diangkat kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan peruntukan.

(b) Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah **RM8.73 juta** telah diperuntukkan bagi tujuan pelaksanaan **30** projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) di Parlimen Kota Samarahan bagi tahun 2021. Setakat 30 September 2021, **enam (6)** projek telah siap, **18** projek sedang di peringkat pelaksanaan dan **enam (6)** projek di peringkat perolehan.